

AL-QURAN DAN HADIS SEBAGAI SUMBER PEMANTAPAN KEUSAHAWANAN UMAT ISLAM

AL-QURAN AND HADITH AS A SOURCE OF STRENGTHENING MUSLIMS' ENTREPRENEURSHIP

Nur A'tirah Mohd Anizan¹

Mohd Farhan Md Ariffin²

Shafiza Safie^{3*}

¹Universiti Kebangsaan Malaysia, (E-mail: farhan.ariffin@ukm.edu.my)

²Pusat Kajian Al-Quran dan Al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Malaysia, (E-mail: farhan.ariffin@ukm.edu.my)

³Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA Cawangan Kelantan, Kampus Machang, Malaysia (UiTM), Malaysia, (E-mail: shafizasafie@uitm.edu.my)

* Corresponding author

Article history

Received date : 19-9-2023

Revised date : 25-9-2023

Accepted date : 29-10-2023

Published date : 17-11-2023

To cite this document:

Mohd Anizan, N. A., Md Ariffin, M. F., & Safie, S. (2023). Al-Quran dan Hadis sebagai sumber pemantapan keusahawanan umat Islam. *Journal of Islamic, social, economics and Development (JISED)*, 8 (58), 267 – 276.

Abstrak: *Keusahawanan ialah proses mencipta sesuatu yang baharu untuk mendapatkan ganjaran kewangan, kepuasan dan kebebasan. Namun begitu, Islam mempunyai garis panduan yang ditetapkan untuk diikuti oleh manusia supaya keusahawanan berada di landasan yang betul dan diredhaiNya. Objektif kajian ini adalah untuk melihat garis panduan keusahawanan dan elemen yang perlu ada pada seseorang usahawan mengikut perspektif Al-Quran dan Al-Sunnah. Kajian kualitatif ini menggunakan kaedah kajian literatur dan analisis dokumen. Kajian mendapati setiap usahawan Muslim harus menjaga tanggungjawab mereka kepada Allah SWT, kepada diri sendiri dan kepada orang lain. Kesimpulannya, ia membawa implikasi positif sekiranya setiap usahawan mengamalkan garis panduan yang ditetapkan oleh Islam.*

Kata Kunci: *Keusahawanan, Al-Quran, Hadith, Kewangan, Tanggungjawab kepada Allah*

Abstract: *Entrepreneurship is the process of creating something new to get financial rewards, satisfaction and freedom. Nevertheless, Islam has a sets guideline for people to follow. So that entrepreneurship is on the right path and is pleasing to Him. The objective of this study is to look at the entrepreneurial guidelines and the elements that an entrepreneur must have according to the perspective of Al-Quran and Al-Sunnah. This qualitative study is using literature review and document analysis methods. The study found that every Muslim entrepreneur should take care of their responsibility to Allah SWT, to themselves and to others. As conclusion, it brings positive implications if every entrepreneur practices the guidelines as set by Islam.*

Keywords: *Entrepreneurship, Al-Quran, Hadith, Finance, Responsibility to Allah*

Pengenalan

Islam telah menetapkan garis panduan yang lengkap meliputi urusan duniawi dan ukhrawi. Kedatangan Nabi Muhammad SAW memberi rahmat buat sekalian alam. Baginda diperintahkan oleh Allah untuk menegakkan ajaran Islam biarpun menghadapi banyak cabaran. Kesempurnaan kehidupan agama Islam bukan hanya dilihat dari segi pengalaman seharian bahkan meliputi keseluruhan aspek terutamanya menjaga hubungan dengan Allah dan sesama manusia. Firman Allah:

حَبْلٍ مِّنَ اللَّهِ وَ حَبْلٍ مِّنَ النَّاسِ

Terjemahan: Menjaga hubungan dengan Allah dan sesama makhluk

(Ali Imran: 112)

Al-Quran dan al-Sunnah merupakan sumber rujukan utama dan merupakan panduan terbaik dalam mendidik manusia menjalani kehidupan yang lebih baik dan sempurna. Walau bagaimanapun, umat Islam harus peka dengan keadaan dunia pada masa kini terutama dari sudut pendidikan, sosial dan ekonomi. Allah juga tidak mengalakkan umatnya tidak memikirkan dunia kerana ingin mengejar akhirat. Pada zaman globalisasi kini, negara Barat semakin maju dalam meracuni pemikiran anak muda terutamanya perkara yang terpesong dari ajaran Islam. Justeru itu mereka perlu seimbang antara duniawi dan ukhrawi.

Dari sudut ekonomi, negara Barat semakin maju dalam teknologi, perniagaan, pelaburan dan sebagainya. Mereka menganggap Malaysia sebagai negara yang mundur dan mengalami kemerosotan ekonomi yang teruk. Melihatkan keadaan ini, generasi muda perlu bijak dalam memikirkan aktiviti yang boleh meningkatkan sumber ekonomi negara seperti melibatkan diri dalam bidang keusahawanan supaya dapat bersaing dengan negara maju. Urusan perdagangan dapat dijalankan dengan baik sama ada menunggu turun naik harga di pasaran atau memindahkannya ke tempat lain yang lebih memerlukannya dan mendapat harga yang lebih tinggi (Ibnu Khaldun, 1967).

Pengertian Keusahawanan

Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi Ketiga, keusahawanan bermaksud segala yang berkaitan dengan usahawan atau kegiatan dan kemahiran usahawan. Manakala, maksud uasahawan menurut kamus dewan ialah individu yang mengusaha satu perusahaan atau seorang pengusaha. Bagi ahli ekonomi, usahawan ialah individu yang mengabungkan faktor buruh, modal dan barang yang berkualiti tinggi dan mempunyai inovasi yang boleh menarik minat pembeli.

Selain itu, pengertian usahawan bagi ahli psikologi ialah dorongan dalam diri yang bertindak ke arah sesuatu tertentu seperti keperluan terhadap sesuatu, untuk mengkaji atau mengelakkan daripada kongkongan orang lain. (Suhaili Sarif, 2005). Usahawan dari sudut peniaga ialah pesaing untuk mengaut keuntungan dan dalam masa yang sama ialah rakan niaga, pembekal dan pelanggan kepada peniaga yang lain. Berdasarkan definisi-definisi tersebut bolehlah disimpulkan bahawa keusahawanan merupakan satu proses mencipta sesuatu yang baru dengan usaha dan masa serta melibatkan pelbagai risiko kewangan, fizikal dan sosial untuk mendapatkan ganjaran yang berbentuk kewangan, kepuashatian dan kebebasan. (Peters Micheal P, 2002)

Konsep Keusahawanan Dalam Islam

Keusahawanan merupakan satu aktiviti yang semakin mendapat perhatian pada era kini. Maksud keusahawanan menurut perspektif Islam ialah aktiviti yang dihasilkan oleh seseorang dengan menghasilkan barangan atau memberi perkhidmatan dengan niat mendapat keredaan Allah swt. Maksud usahawan dalam Al-Jami' Ahkam al-Quran ialah kegiatan jual beli antara dua pihak iaitu penjual dengan pembeli (Al-Qurtubi, 1990). Selain itu perniagaan atau jual beli ialah sebagai satu cara perluasan modal di dalam kitab Al-Muqaddimah (Ibn Khaldun, 1992). Bagi umat Islam, keusahawanan telah lama dipraktikkan sejak zaman Nabi Muhammad SAW sewaktu awal pembentukan tamadun agama Islam. Perniagaan ataupun keusahawanan merupakan perkara yang tidak asing malah Nabi Muhammad saw merupakan idola yang perlu dijadikan rujukan dalam berniaga. Perniagaan merupakan sumber ekonomi umat Islam yang mampu meningkatkan pertumbuhan ekonomi yang negara pada ketika itu.

Sejak dari itu, aktiviti perniagaan telah disokong oleh golongan golongan sahabat dan tabiin pada ketika itu. Sebagai contoh, saidina Abdul Rahman bin Auf seorang yang hartawan dan dermawan namun tetap zuhud di jalan Allah SWT. Kesemua aktiviti jual beli telah dilakukan dengan telus dan harmoni tanpa sebarang unsur penipuan seperti yang dilakukan oleh pihak Yahudi. Bangsa Yahudi merupakan kelompok yang sentiasa melakukan penipuan dan memutarbelitkan fakta. Dengan itu terdapat banyak amaran yang menyeru supaya berhati hati dalam perniagaan yang melibatkan bangsa Yahudi. Rasulullah telah membuktikan bahawa perniagaan merupakan kerjaya yang strategik yang perlu diikuti oleh umat Islam untuk terus maju seiring dengan pertumbuhan negara maju pada masa kini. Firman Allah:

الرِّبَا وَحَرَّمَ الْبَيْعَ الَّذِي وَأَحَلَّ

Terjemahan: "Dan Allah menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba"

(al-Baqarah (2):275)

Oleh itu, tidak hairan terdapat banyak kaedah dan konsep dalam bab mualamat yang memperihalkan jual beli dalam Islam sejak zaman Nabi Muhammad SAW lagi. Antaranya ialah Mudharabah, Musyarakah dan pelbagai konsep al-Bay menurut Islam dan kesemuanya mendapat persepakatan mengikut konsep uruf. Dengan wujudnya sistem muamalah dalam Islam, umat Islam perlu peka dan mengambil cakna kerana setiap perkara yang ditetapkan dalam al- Quran dan Sunnah mempunyai hukum dan jalan penyelesaian untuk mengelakkan berlakunya penindasan dalam jual beli. Walau bagaimanapun, dunia tanpa sempadan pada hari ini telah menggugat dan melumpuhkan usahawan muslim yang hanya mampu bergerak secara mikro dalam persekitaran negara masing-masing yang terbatas. (Ab.Mumin Ab Ghani, 2016). Dengan adanya panduan yang telah ditetapkan oleh al Quran dan al-Sunnah, umat Islam perlu bangkit dan mengambil peluang untuk menempatkan diri dalam persada dunia keusahawanan agar dapat bersaing dengan negara negara maju disamping dapat memajukan ekonomi negara.

Elemen-elemen Keusahawanan Islam

Untuk memantapkan jiwa muslim dalam mengurus niaga, elemen – elemen keusahawanan perlu difahami dengan jelas oleh semua usahawan Islam supaya tidak berlaku penindasan dalam urusan jual beli.

1. Memperolehi keuntungan dunia dan akhirat.
Keuntungan dunia bermaksud pendapatan halal yang diprolehi untuk membeli barangan keperluan dan sebagai kemaslahan ummah. Manakala keuntungan akhirat bermaksud

rezeki yang diperolehi disumbangkan dalam bentuk pemberian atau melakukan aktiviti kebajikan. Dalam Islam, menjaga kebajikan ahli masyarakat yang lain bukan sahaja merujuk kepada memenuhi keperluan fizikal dan material, tetapi juga keperluan spiritual. (Hajah Siti Fatimah, 2000)

2. Mempunyai ciri atau personaliti sebagai seorang keusahawanan
 - a. Sanggup menanggung risiko dalam perniagaan
 - b. Kreatif dan inovatif dalam penambahbaikan
 - c. Berusaha gigih dan tidak berputus asa
 - d. Mencipta dan memanfaatkan peluang yang ada
 - e. Berdikari

3. Mematuhi etika atau nilai akhlak Islam
 - a. Qanaah dalam urusan dunia
 - b. Tawakkal dan berserah
 - c. Amanah dan jujur
 - d. Sentiasa beristiqomah dan bersyukur
 - e. Redha dan bersyukur

4. Mencapai keredaan Allah dan al-Falah
 Mencari keredaan Allah merupakan sifat terpuji dan sangat dituntut dalam Islam. Kehidupan didunia adalah sementara manakala kehidupan akhirat ialah kehidupan abadi. Oleh itu setiap perkara yang dilakukan mestilah mengikut syariat Islam. Al-falah ialah kejayaan manusia dalam menempuhi kehidupan dan dugaan hidup tanpa sebarang kesempitan dan ujian untuk melaluinya. Jelaslah bahawa elemen elemen keusahawanan yang telah ditetapkan dalam melahirkan insan yang bermanfaat didunia dan diakhirat. Perkara ini perlu diketahui oleh semua generasi supaya dapat memupuk muslim yang mempunyai keperibadian yang unggul.

Hadith Saranan Berurus Niaga

Seperti yang diketahui perniagaan merupakan aktiviti yang dituntut dalam Islam dan merupakan sunnah Nabi Muhammad SAW. Setiap manusia mempunyai bahagian yang telah ditetapkan oleh Allah. Justeru itu, umat Islam perlu menggunakan peluang yang ada untuk menambah pahala dengan berniaga secara betul berlandaskan syariat Islam. Terdapat banyak hadith yang menyarankan umat islam supaya melibatkan diri dalam bidang perniagaan.

1. Orang yang melakukan kebaikan dalam berniaga akan dibangkitkan kelak. Antara hadithnya ialah Nabi SAW bersabda:

إِنَّ التُّجَّارَ يُبْعَثُونَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ فُجَّارًا، إِلَّا مَنْ اتَّقَى اللَّهَ، وَبَرَ، وَصَدَقَ

Terjemahan: “Sesungguhnya para peniaga ini akan dibangkitkan pada hari Kiamat dalam keadaan yang berdosa melainkan orang yang bertaqwa kepada Allah, berbuat kebaikan dan jujur.”

(Jami’al -Tirmidhi no.1210, sahih)

2. Sifat ‘iffah juga perlu ada dalam diri setiap muslim. Sifat iffah ialah menahan diri untuk meminta minta sesuatu dari orang lain. Ini bermakna kita perlu berusaha dalam mencari rezeki berdasarkan hadith yang berbunyi:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: لِأَنَّ
يَحْتَابُ أَحَدَكُمْ حُزْمَةً عَلَى ظَهْرِهِ خَيْرٌ مِنْ أَنْ يَسْأَلَ أَحَدًا فَيُعْطِيَهُ أَوْ يَمْنَعَهُ

Terjemahan: Dari Abu Hurairah RA dari Nabi SAW bersabda: "Sungguh seorang dari kalian yang mengambil talinya lalu pergi ke gunung lalu dia mencari kayu bakar kemudian dia menjualnya lalu dari hasil jualan itu dia dapat makan dan bersedekah, itu lebih baik baginya daripada meminta kepada manusia"

(Al-Bukhari, no. 1386, sahih)

3. Seorang peniaga juga semestinya bersikap tolak ansur dan tidak melakukan penindasan dalam melakukan jual beli. Antara hadith yang menyebut perkara berkaitan larangan tersebut ialah:

اِيْحَتَكِرُ اِلَّا خَاطِئُ

Terjemahan: "Monopoli hanya dilakukan oleh orang yang bersalah."

(Muslim, no.1605, sahih)

4. Islam sebagai aldin juga mengiktiraf umatnya untuk melibatkan diri dalam perniagaan. Walaupun Islam mengiktiraf bekerja di bawah orang lain merupakan pekerjaan yang baik, bekerja sendiri tetap merupakan pilihan terbaik.

Dari Sa'id bin Umair dari bapa saudaranyanya, dia berkata,

سُئِلَ رَسُولُ اللَّهِ -صلى الله عليه وسلم- أَيُّ الْكَسْبِ أَطْيَبُ قَالَ: عَمَلُ الرَّجُلِ بِيَدِهِ
وَكُلُّ بَيْعٍ مَبْرُورٍ

Terjemahan: Rasulullah ditanya mengenai apakah pekerjaan yang paling baik. Rasulullah menjawab "kerja seseorang dengan tanganya sendiri dan perniagaan yang diberkati"

(Al-Baihaqi dan Al-Hakim no. 1222, sahih)

Ciri Ciri Usahawan Yang Berjaya Menurut al-Quran Dan Hadith

Melibatkan diri dalam perniagaan dapat memberi manfaat kerana aktiviti perniagaan menjanjikan pulangan yang berlipat kali ganda. Dengan keuntungan yang diperoleh, kita boleh menyalurkan kewangan tersebut kepada yang memerlukan, membayar zakat, bersedekah, mewakaf harta dan membuka peluang pekerjaan kepada orang lain. Pada zaman modenisasi ini, peluang pekerjaan semakin terhad disebabkan ramai pekerja asing yang datang bekerja dinegara ini. Oleh itu, dengan mewujudkan peluang pekerjaan, perkara tersebut sedikit sebanyak dapat membantu orang sesama Islam. Terdapat beberapa ciri usahawan yang berjaya mengikut al-Quran dan al-Sunnah yang mesti diikuti oleh usahawan untuk berjaya di dunia dan akhirat.

1. Tanggungjawab terhadap Allah.
Sebagai seorang hamba, perlunya untuk sentiasa menjaga hubungan dengan tuhan seperti mengerjakan semua kewajipan dan meninggalkan larangannya. Jika sentiasa meletakkan Allah dalam urusan dunia, maka ia akan merasa bersyukur dan tidak mudah berdukacita jika tertimpa musibah.

- i) Bersyukur dengan rezeki Allah
Dengan adanya nilai nilai ini, peniaga akan rasa rendah diri dan jauh dari sifat tamak haloba, riak, dengki dan sebagainya. Firman Allah:

وَإِذْ تَأَذَّنَ رَبُّكُمْ لَئِن شَكَرْتُمْ لَأَزِيدَنَّكُمْ وَلَئِن كَفَرْتُمْ إِنَّ عَذَابِي لَشَدِيدٌ

Maksudnya: Sesungguhnya jika kamu bersyukur, pasti Kami akan menambah (nikmat) kepadamu, dan jika kamu mengingkari (nikmat-Ku), maka sesungguhnya azab-Ku sangat pedih.

(Surah Ibrahim ayat 7).

Manusia tidak perlu sombong dengan nikmat yang ada kerana semua itu pemberian daripada Allah swt. Mengikut kajian psikologi, kesan besar daripada bersyukur ialah hati kita akan mendapat ketenangan jiwa dan perkara itu akan memberi impak positif dalam kehidupan.

- ii) Sentiasa memohon hidayah daripada Allah swt.
Bagi memperoleh kejayaan dalam hidup seseorang perlu sentiasa meminta petunjuk daripada Allah kerana hanya Dia sahaja yang dapat mengabulkan segala permintaan. Firman Allah:

لَيْسَ عَلَيْكَ هُدَاهُمْ وَلَكِنَّ اللَّهَ يَهْدِي مَنْ يَشَاءُ وَمَا تُنْفِقُوا مِنْ خَيْرٍ فَلَا تُنْفِقُوا وَمَا تُنْفِقُونَ إِلَّا ابْتِغَاءَ وَجْهِ اللَّهِ وَمَا تُنْفِقُوا مِنْ خَيْرٍ يُوَفَّ إِلَيْكُمْ وَأَنْتُمْ لَا تُظْلَمُونَ

Maksudnya: “Bukanlah kewajibanmu menjadikan mereka mendapat petunjuk tetapi Allah-lah yang memberi petunjuk (memberi taufik) siapa yang dikehendaki-Nya.”

(Al Baqarah 272).

Begitu juga jika ingin meminta perlindungan daripada Allah untuk mengelakkan bala hanya Allah sahaja tempat memohon.

2. Tanggungjawab pada diri sendiri.

Usahawan yang cemerlang ialah mereka yang tahu tentang tanggungjawab diri sendiri. Perkara yang perlu ada pada seseorang usahawan ialah kawalan dalaman (internal locus of control). Kawalan dalaman adalah satu keyakinan yang percaya terhadap kemampuan diri. Tahap tertinggi dalam budaya moral adalah ketika kita menyedari bahawa kita seharusnya mengendalikan pikiran kita. (Charles Darwin, 1998). Objektif hidup seseorang manusia ialah menjadi insan yang berguna dan hidup dalam keadaan sempurna. Justeru itu perkara ini berkait rapat dengan ciri usahawan yang berjaya menurut al-Quran dan Hadith.

- i) Ikhlas dalam pekerjaan
Menurut kamus dewan, ikhlas bermaksud hati suci, tidak menipu dan tidak berpura pura. Janganlah sesekali berasa takabur dengan kekayaan yang ada. Firman Allah:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَبْطُلُوا صَدَقَاتِكُمْ بِالْمَنِّ وَالْأَذَى كَالَّذِي يُنْفِقُ مَالَهُ رِئَاءَ النَّاسِ وَلَا يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَمَثَلُهُ كَمَثَلِ صَفْوَانٍ عَلَيْهِ ثَرَابٌ

فَأَصَابَهُ وَابِلٌ فَتَرَكَهُ صَدًّا ۗ لَا يَقْدِرُونَ عَلَى شَيْءٍ مِّمَّا كَسَبُوا ۗ وَاللَّهُ لَا يَهْدِي الْقَوْمَ
الْكَافِرِينَ

Terjemahan: "Wahai orang yang beriman! Jangan rosakkan (pahala amal) sedekah kamu dengan perkataan membangkit-bangkit dan (kelakuan yang) menyakiti, seperti (rosaknya pahala amal sedekah) orang yang membelanjakan hartanya kerana hendak menunjuk-nunjuk kepada manusia (riak), dan ia pula tidak beriman kepada Allah SWT dan hari akhirat."

(Surah al-Baqarah, ayat 264).

Peniaga bersifat ikhlas akan dipermudahkan segala urusan mereka.

ii) Peniaga yang jujur

Dalam berniaga, sifat jujur merupakan perkara utama yang perlu ada dalam diri usahawan. Pada masa kini, telah berlaku banyak penindasan dalam jual beli. Contohnya penipuan dalam timbangan, mencampurkan barang baru dan lama, menaikkan harga barang keperluan seperti sayuran, ikan, daging, buah buahan dan sebagainya. Sesungguhnya keberkatan daripada Allah merupakan perkara yang penting dalam berniaga. Orang yang mendapat rezeki hasil daripada perkara haram akan dimasukkan ke dalam api neraka.

Sifat benar adalah sifat utama Rasulullah SAW (Seyyed Hossein (2001). Menurut al-Mubārakfūrī (2019) Nabi Muhammad bersifat benar dalam semua perkara dan tidak ada perilaku atau tutur kata baginda melainkan paling benar. Selain itu, Rasulullah SAW juga tidak pernah berbohong sejak kecil. Malah hasil daripada sifat benar ini baginda mampu meletakkan sesuatu itu kena pada tempat yang sewajarnya dan mampu memberi pendapat dengan adil.

Mohamad et al. (2019) menyatakan bahawa usahawan Muslim yang mengamalkan sifat benar akan melengkapkan dirinya dengan pelbagai pengetahuan mengenai pengurusan, produk, pasaran dan sebagainya untuk memastikan mereka tidak membuat kesilapan. Abd Muin (2014) berpandangan usahawan yang berjaya perlu memiliki dan mencontohi Rasulullah SAW dalam urusan perniagaan.

Sejarah membuktikan bahawa dalam menjalankan perniagaan Rasulullah SAW sentiasa menyampaikan maklumat yang jelas dan benar berkaitan barang yang dijual. Pada satu ketika, sewaktu membawa barang dagangan berupa kain apabila ditanya pembeli baginda menyatakan dengan benar barang tersebut telah diambil oleh Khadijah Khuwaylid r.a pada harga tertentu dan pembeli bolehlah membeli dengan harga yang disepakati dengan baginda namun begitu baginda masih mendapat untung hasil daripada jualan tersebut (Rahman 1997; Mubarak 2016). Menurut Zarirudin dan Nordin (2016) setiap tutur kata seperti pemilihan kata, strategi pengucapan, cara penghasilan, amalan sosial dan ciri-ciri linguistik baginda tidaklah sia-sia malah kesemuanya menjadi sumber untuk dirujuk dan menjadi dalil bagi hukum oleh umat Islam.

iii) Berilmu pengetahuan

Manusia tanpa ilmu akan menjadi jahil (tidak berpengetahuan), begitu juga dengan peniaga yang ingin melibatkan diri dalam bidang keusahawanan. Mereka perlu mencari ilmu sebanyak-banyaknya kerana dunia perniagaan perlu mempunyai teknik untuk mendapatkan keuntungan. Sebab itulah peniaga perlu mencari guru untuk belajar dan menyuntik semangat keusahawanan. “Jangan tahu untuk melabur modal buat produk sahaja tetapi kedekut keluar modal mencari guru. Sekiranya tiada ilmu, bagaimana kita mahu memasarkan produk tersebut, malah sebelum produk dikeluarkan pun kita perlu tahu selok-belok penghasilannya agar tidak tertipu. (Siti Asma, 2019). Antonio et al. (2010) menjelaskan lagi, Rasulullah SAW telah menunjukkan baginda sebagai pedagang yang mampu berhujah dan berkomunikasi dengan baik. Rasulullah SAW adalah seorang peniaga yang cemerlang, sehingga ramai rakan niaga dan pelanggan merasa senang hati berniaga dengan baginda. Nilai-nilai Islam juga turut diselitkan oleh baginda Rasulullah SAW berkenaan perniagaan yang dijalankan.

3. Tanggungjawab terhadap orang lain

Dalam kehidupan, manusia dikenali sebagai makhluk sosial. Makhluk sosial bermaksud masyarakat yang hidup berkelompok dan saling memerlukan antara satu sama lain. Oleh itu, nilai diri perlu ada dalam diri peniaga.

i) Berlaku adil

Antara nilai kemanusiaan utama yang diajarkan dalam Islam ialah keadilan yang bertindak sebagai pengukuh kehidupan antara masyarakat. Maksud keadilan ialah memberikan hak kepada mereka yang berhak sama ada individu atau kumpulan manusia. (Ahmad Shukri Yusoff, 2016).

Islam memerintahkan setiap orang berlaku adil terhadap dirinya dengan menyeimbangkan antara hak dirinya, hak Tuhannya dan hak orang lain. Jika berlaku ketidakadilan dalam menguruskan sesuatu perkara, kepincangan antara satu sama lain boleh berlaku. Nilai adil merupakan antara nilai yang paling penting dalam bidang keusahawanan terutamanya melibatkan timbangan dalam jual beli. Firman Allah:

وَأَوْفُوا الْكَيْلَ إِذَا كِلْتُمْ وَزِنُوا بِالْقِسْطَاسِ الْمُسْتَقِيمِ ۗ ذَٰلِكَ خَيْرٌ وَأَحْسَنُ تَأْوِيلًا

Terjemahan: Dan sempurnakanlah takaran apabila kamu menakar, dan timbanglah dengan neraca yang benar. Itulah yang lebih utama (bagimu) dan lebih baik akibatnya.

(Surah Al Isra' ayat 35)

ii) Tidak sombong

Sombong atau takabbur ialah perasaan tinggi diri apabila kedudukannya lebih tinggi daripada orang lain. Perasaan negatif seperti sombong, hasad dengki, bakhil, ujub dan sebagainya tidak perlu ada dalam diri seorang usahawan. Perkara-perkara yang biasanya menjadi bahan kesombongan atau ketakaburan sebagaimana yang dinyatakan di dalam Kitab Ihya Ulumuddin ada tujuh perkara, iaitu ilmu pengetahuan, amalan dan peribadatan, keturunan, keindahan dan kelebihan pada bentuk fizikal, harta kekayaan, kekuatan fizikal dan kuasa atau pengaruh. (Imam Al-Ghazali). Justeru itu, sifat sombong sepatutnya tidak ada dalam diri kerana ia boleh menghilangkan rasa hormat orang lain terhadap

diri kita. Seinggakan baginda mampu membina dirinya menjadi seorang pedagang profesional yang memiliki reputasi yang baik dan luar biasa (Rahman 1997). Tidak hairanlah apabila Rasulullah SAW telah mengukir nama dalam kalangan masyarakat jahilia dan kaum Quraisy bermula dengan perniagaan kecil-kecilan, melalui perkongsian dengan peniaga-peniaga lain. Akhirnya baginda melakukan perniagaan secara besar-besaran dengan modal dan kerjasama perniagaan dengan Khadijah Khuwaylid r.a (Rahman 1997, 1995).

Orang Yang Patuh Agama Lebih Berjaya Berbanding Yang Tidak Patuh Agama

Masyarakat Arab pada zaman dahulu menyembah pelbagai tuhan kerana tiada panduan hidup sebelum diturunkan nabi terakhir iaitu Nabi Muhammad SAW yang membawa manusia keluar dari jalan kegelapan. Malangnya umat Islam pada zaman sekarang tidak mengamalkan ajaran agama yang sebenar. Mereka lebih bertindak mengikut nafsu semata mata. Islam juga mengalakkan umatnya melibatkan diri dalam bidang keusahawanan untuk mencari rezeki. Dalam bidang keusahawanan, terdapat banyak perkara yang telah diajarkan dalam Islam terutama nilai yang perlu ada pada seorang diri seorang usahawan. Nabi Muhammad SAW juga merupakan idola dalam perniagaan, banyak cabaran yang boleh dijadikan pedoman oleh umat pada kini.

Melalui bidang keusahawanan, perkara yang boleh menambah rezeki dalam perniagaan seperti bersedekah, melakukan solat-solat sunat, saling menolong antara satu sama lain patut diamalkan oleh semua yang beragama Islam sama ada melibatkan diri dalam keusahawanan atau tidak. Setiap perkara yang dilakukan mestilah niat kerana Allah SWT supaya kita mempunyai sifat tawakkal dengan rezeki yang diberikan oleh Allah. Perlu percaya dengan qada' dan qadar kerana semua yang ditetapkan ada hikmahnya. Maka jelaslah bahawa orang yang patuh kepada agama lebih berjaya berbanding yang tidak patuh kerana mereka ada sifat usaha dan tawakkal kepada Allah SWT. Setiap usahawan Islam tidak sama dengan usahawan bukan Islam. Usahawan Islam berniaga untuk mendapat manfaat di dunia akhirat tetapi usahawan bukan Islam berniaga untuk dunia sahaja. "Sebagai usahawan Islam kalau berjaya syukur dan kalau tak berjaya pun kita syukur. Paling penting kita terus berusaha" (Syed Mokhtar Bukhary, 2016). Firman Allah SWT

وَمَنْ يَتَوَكَّلْ عَلَى اللَّهِ فَهُوَ حَسْبُهُ إِنَّ اللَّهَ بُلِغُ أَمْرِهِ قَدْ جَعَلَ اللَّهُ لِكُلِّ شَيْءٍ قَدْرًا

Terjemahan: Barangsiapa yang bertawakkal kepada Allah niscaya Allah akan mencukupkan (keperluan)nya. Sesungguhnya Allah melaksanakan urusan yang (dikehendaki)Nya. Sesungguhnya Allah telah mengadakan ketentuan bagi tiap-tiap sesuatu

(Surah al- Talak ayat 4).

Kesimpulan

Melibatkan diri dalam keusahawanan memerlukan tekad dan usaha yang gigih. Islam telah memberikan panduan yang jelas dalam urusan mengurus niaga. Berniaga lah di atas landasan syariat Islam agar kesemua yang dilakukan memproleh keberkatan dan ganjaran daripada Allah SWT. Mereka perlu membina semangat yang baru dan jangan mudah berputuh asa kerana usaha tidak akan mengkhianati hasil.

Rujukan

Al-Quran al-Karim

- Al-Mubārakfūrī, S.A.R. 2019. Sirah Nabawiyah. Terj. Muhammad Ramzi Omar. Putrajaya. Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia.
- Abd Muin, M. A, Abu Bakar, A & Abdullah, S. 2014. Model Usahawan Berjaya dalam Amalan Nilai-nilai Murni Keusahawanan Sosial Islam. *Journal of Human Development and Communication* 3:129-141.
- Ab. Mumin Ab. Ghani, Suhaili Sarif. 2005. "Penerapan Budaya Keusahawanan Dalam Masyarakat Islam." Seminar Keusahawanan Islam Peringkat Kebangsaan 2005, 1–18.
- Abu Isa Muhammad bin Isa bin Surah Al-Turmudzi. 1988. "Sunan al-Tirmizi." Al- Kutub Al-sittah. Bab 251. Beirut: Darul Fikri.
- Abu Abdullah Muhammad bin Ismail bin Ibrahim bin al-Mughirah al-Ja'fai. 2002. "Sahih Bukhari" Al Kutub Al Sittah. Bab 93. Darel Fajr Publishing: Singapore.
- Antonio, M.S. 2007. Muhammad SAW: The Super Leader, Super Manager. Teladan Sukses dalam Hidup dan Bisnis. Jakarta, Indonesia. Penerbit Tazkia Multimedia & ProLM Centre.
- Falāh, Kerohanian D A N Al-, Mohd Zain, Bin Mubarak, Pusat Pengajian, and Pembangunan Insaniah. 2015. "KONSEP KEUSAHAWANAN ISLAM;" 1–14.
- Mohamad, N., Ishak, M. S & Mohd Rashid, S. 2019. Kerelevanan Personaliti Usahawan Islam untuk Membentuk Kepercayaan Dalam Mengukuhkan Komitmen dan Kesetiaan Pelanggan. *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari* 20(2): 95-115.
- Mohd. Faizal P. Rameli, Muhammad Ridhwan Ab. Aziz, Kalsom Ab. Wahab, and Suhaida Mohd. Amin. 2014. "Etika Perniagaan Islam: Pengalaman Usahawan Muslim di Melaka." *Jurnal Usahawan*, 442–50.
- Mohd Zain, Mubarak. 2015. "Konsep Keusahawanan Islam: Terminologi, Kerohanian Dan Al-Falah." *Konsep Keusahawanan Sosial Islam: Suatu Pengenalan*, 1–21.
- Mubarak, M. Z. 2016. Keusahawanan Islam, Rasulullah SAW dan Sahabat Sebagai Ikon Usahawan Berjaya. Penerbit Universiti Malaysia Kelantan.
- Nor Aini Ali, Nor. 2015. "Pembudayaan Keusahawanan Islam: Implikasinya Terhadap Pembangunan Ummah Sejagat." *Jurnal Usuluddin* Volume 17 (Issue 17).
- Rahman, A. 1995. Ensiklopedia Sirah, Insan Kamil. Jilid II. Terj. Norhayati Mohd. Nor et al. Kuala Lumpur. Penerbit Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Rahman, A. 1997. Muhamamad Sebagai Seorang Pedagang (Muhammad: Encyclopedia of Seerah). Terj. Dewi Nurjulianti. Jakarta: Yayasan Swarna Bhumi.
- Seyyed Hossein, N. (2001). Muhammad Insan Kamil. Terj. Baharuddin Ahmad. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wan Sabri Wan Hussin. 2003. "Ciri-Ciri Usahawan Berjaya Dari Perspektif Al-Qur'an." *Jurnal Usuluddin*, no. 18: 81–110.
- Zarirrudin, M., & Nordin, F. 2016. Wacana Kepimpinan Rasulullah SAW. Kuala Lumpur. Penerbit Dewan Bahasa dan Pustaka.